

# Pak cik 'penyelamat' Ibrahim

Pelawaan dua bapa saudara untuk tinggal bersama membolehkannya meneruskan pembelajaran

>>Oleh ANIZA ZAINUDIN  
nnizazainudin@hmetro.com.my

**N**YARIS tidak berpeluang menduduki bangku sekolah gara-gara kemiskinan keluarga, Datuk Ibrahim Ismail menerima tawaran menetap bersama bapa saudara yang juga bernama Ismail, sekali gus membuka sinar kepada penyandang jawatan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) ini.

Pada usia tujuh tahun, Ibrahim mula 'merantau' dan tekad meninggalkan kampung halaman di Ladang Pelam, Kulim, Kedah menuju ke Pajak Song, Kepala Batas, Seberang Perai bersama bapa saudara yang ketiadaan

anak, biarpun terpaksa berpisah dengan keluarga tersayang.

Empat tahun di Kepala Batas, Ibrahim kembali ke pangkuhan keluarga dan meneruskan pendidikan di Sekolah Kebangsaan Labu Besar.

Beliau mengakui mengalami kejutan budaya apabila pulang ke Kulim yang dirasakan lebih 'tradisional' berbanding kehidupannya di bandar sebelum itu.

Disebabkan pendapatan keluarga di tahap minimum, anak kedua daripada empat beradik ini turut berperanan meringankan bebanan keluarga dengan membantu bapanya menghantar nasi lemak ke kedai kopitiam Malau, Kulim, setiap hari.

Sejurus tamat sekolah rendah, sekali lagi perjalanan ilmunya menemukan jalan buntu apabila jarak dari rumah ke sekolah menengah berdekatan ialah 20 kilometer, yang seharusnya membabitkan kos perbelanjaan tinggi, sedangkan kehidupan keluarga terlalu membebankan.

Bapa saudaranya kembali menjadi penyelamat kepada Ibrahim apabila mempelawanya tinggal bersama, seterusnya melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kepala Batas.


Bijak membuat keputusan rasional, sekali lagi Ibrahim meninggalkan keluarga demi mencari masa depan cerah. Aktif menyertai sukan olahraga, beliau

turut menceburkan diri dalam badan beruniform pilihan iaitu pengakap yang dirasakan sesuai dengan perbadinya.

"Saya terlalu seronok menyertai pengakap, apatah lagi badan berkenaan kerap mengadakan aktiviti luar, terutama perkhemahan membabitkan sekolah lain, sekali gus meluaskan jaringan persahabatan dengan pelajar lain.

"Biarpun ketika itu hanya tinggal berdua bersama bapa saudara, saya tidak mengalami masalah berkaitan yuran, perbelanjaan, buku rujukan sekolah kerana beliau pesara guru dan sangat mementingkan pelajaran."

"Menyebut hal makanan, menjadi tradisi hidup 'bujang' (bapa saudara bercerai), kami



IBRAHIM...kerja tanpa rungutan.

hanya makan di gerai yang dikenal pasti setiap hari selama tiga tahun sebelum beliau meninggal dunia," katanya ketika ditemui di pejabatnya.

Hilangnya tempat bergantung

selepas pemergian mengejut bapa saudaranya, Ibrahim merasakan dunianya kembali gelap dan harapan untuk menamatkan pelajaran hampir musnah.

Namun, sekali lagi dia ditawarkan peluang untuk menetap bersama seorang lagi bapa saudara, Hassan Saad yang tinggal di Jalan Siram, Butterworth.

"Saya terus menerima pelawaannya tanpa memikir sebarang kemungkinan kerana saya benar-benar ingin mendapat pelajaran tertinggi. Syukur, keluarganya menerima kehadiran saya dengan hati terbuka.

"Di sekolah baru, SMK Dato Onn, sekali lagi saya perlu

menyesuaikan diri tapi ia bukan masalah besar. Tamat sesi persekolahan, saya menyertai sepuju menjadi junjugal langsung bagi produk kosmetik dengan berkunjung dari rumah ke rumah di sekitar Butterworth.

"Dalam masa sama, saya mempelbagaikan produk jualan, termasuk kain batik yang menjadi pilihan golongan warga emas, selama enam bulan sebelum keputusan Malaysian Certificate of Education (MCE) diumumkan," katanya.

Ibrahim kemudian menyertai Jabatan Perangkaan Pulau Pinang dengan jawatan pegawai luar dan menerima gaji RM150 sebulan yang dianggap cukup untuk menampung kehidupan. Terpilih berpindah ke Kuala Lumpur, Ibrahim tidak ketinggalan membawa bersama ibu dan dua adik pada awal 1974.

Setahun kemudian, kerjayanya berkembang menjadi kerani akaun dan pelaburan di Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Bijak mengatur masa, Ibrahim kemudian mendaftar diri sebagai calon persendirian untuk peperiksaan Higher School Certificate (HSC) dengan berkongsi ilmu bersama teman lain, namun percubaan pertamanya gagal. Bangkit daripada kegagalan,

akhirnya Ibrahim berjaya memiliki sijil penuh pada 1978 dan memohon jawatan kerajaan sebelum ditempatkan di Jabatan Kerja Raya.

Menolak tawaran melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai pelajar sepenuh masa mengenangkan ibunya yang tua, Ibrahim kemudian memohon untuk belajar secara jarak jauh di universiti sama.

Berbeza dengan kelebihan dimiliki kakitangan kerajaan hari ini yang ditawarkan cuti belajar, beliau terpaksa menyimpan cuti tahunannya semata-mata mengikuti kursus intensif selama empat tahun.

"Bayangkan dalam setahun saya cuma mempunyai 20 hari cuti tahunan, di mana 18 hari saya gunakan untuk kursus di Pulau Pinang. Syukur, isteri banyak membantu ketika itu.

"Pekerja awam hari ini perlu menggunakan kemudahan disediakan kerajaan untuk meningkatkan lagi taraf hidup mereka.

"Kejayaan memerlukan pengorbanan, namun syukur Allah itu adil. Rezeki bertambah apabila dipinjamkan ke Asean Institute of Forest Management (AIFM) sebagai pegawai tadbir sebelum dipindahkan ke JMM sebagai

pegawai eksekutif kanan.

"Atas dorongan bekas ketua pengarah JMM, Mohamed Zulkiffli Abd Aziz, saya memohon jawatan kurator dan berjaya pada awal 1993, seterusnya ditawarkan sebagai Ketua Unit Pengukuhan.

"Saya bukan jenis menolak kerja, sebaliknya sedaya upaya akan melaksanakan sebarang tugas dan amanah diberikan dengan sempurna tanpa rungutan.


"Syukur, pada 2 Mac 2008 saya dilantik bagi jawatan hari ini," katanya yang pemah mengetuai 21 muzium seluruh negara.

Bagi Ibrahim, muzium adalah lokasi wajib dikunjungi berikut ia tempat untuk mengenal adat, tradisional, tekstil, alam sekitar dan sejarah negara dalam membina jati diri serta perpaduan masyarakat.

Muzium juga dianggap 'perpustakaan' untuk memahami perjalanan sejarah negara yang kini seakan-akan dilupakan generasi muda hari ini, sekali gus memupuk semangat cintakan negara.

Demi mengelakkan 'kemerahan' pengunjung ke muzium, beliau dan kakitangannya sentiasa berusaha melahirkan idea baru serta pameran unik kepada pelancong tempatan mahupun antarabangsa.

# Baca buku isi masa terluang



**MEMBACA...**  
hobi masa lapang Ibrahim.

## Hobi anda?

Saya kerap menghabiskan masa membaca buku, tidak kira sama ada di pejabat, rumah mahupun dalam kereta. Malah, setiap

buku dibeli, sama ada dari dalam mahupun luar negara, pasti tertulis coretan lokasi dan program disertai ketika itu.

## Hari bersama keluarga?

Tiada hari tertentu bersama keluarga, apatah lagi saya kerap berada di pejabat.

Namun yang pasti, dalam sebulan kami sekeluarga makan malam bersama di luar.

## Pendorong?

Diri sendiri.

**Prinsip hidup?**  
Agi hidup, agi

ngelaban.

## Pameran paling diingati?

Pameran Senjata Tradisional: Misteri dan Kesaktian paling diingati apabila ia menerima sambutan menggalakkan daripada pengunjung.

## Sukan kegemaran?

Ping pong

## Destinasi pelancongan terakhir bersama keluarga?

Perlis. Saya membawa mereka mengunjungi Muzium Kota Kayang untuk memberi pendedahan mengenai keunikan pameran di sana.

# >Profil

**NAMA:**

Datuk Ibrahim Ismail

**JAWATAN:** Ketua Pengarah  
Jabatan Muzium Malaysia

**TARIKH LAHIR:**

12 April 1955

**ASAL:** Baling, Kedah

**ISTERI:**

Datin Hafidzah Ab Manaf

**ANAK:**

Marsylla (29),  
Yasser (28), Muhammad  
Hasif (21), Muhammad  
Haidhar (19) dan Habib  
(15)

**PENDIDIKAN:**

Ijazah Sarjana Sains  
Pembangunan Sumber  
Manusia, Universiti Putra  
Malaysia (1998)

**SIBUK...**

Ibrahim sibuk  
di pejabat.



**IKTIRAF...**dianugerahkan  
gelaran Datuk oleh Sultan  
Pahang Sultan Ahmad  
Shah, tahun lalu.

**IRINGI...**Ibrahim mengiringi keberangkatan Yang di-Pertuan Agong ke 14, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bersama Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Hamimah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selepas perasmian Pameran Raja Kita di Istana Negara Lama.

